

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian, jabatan dan badan berkanun serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Objektif pengauditan penyata kewangan ini ialah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2021 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 mengandungi perkara seperti berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Berakhir
Persekutuan Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2021

Bahagian II : Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

3. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 28 Februari 2022. Penyata ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2021. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Bagaimanapun, laporan saya mengandungi perenggan Penegasan Perkara.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia serta jabatan lain yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
22 September 2022